

Pelajar universiti perlu sokongan dalam suasana norma baharu

Oleh **Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman** - Julai 16, 2021 @ 11:01am

bhrencana@bh.com.my



Warga universiti perlukan sistem sokongan lebih ampuh. - Foto hiasan

GOLONGAN pelajar paling terkesan pandemik COVID-19. Justeru, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan institusi pendidikan tinggi (IPT) memastikan proses pembelajaran tidak terganggu terutama musim peperiksaan yang sudah bermula di beberapa universiti, termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM), Isnin lalu.

Beberapa kes pelajar dilaporkan menghadapi tekanan dalam pembelajaran sehingga menyebabkan kematian. Ini sepatutnya tidak berlaku lebih-lebih lagi pelajar menjadi harapan ibu bapa dan masyarakat sebagai bakal pemimpin masa depan.

Dalam menagih kecemerlangan pelajar, soal kesejahteraan mental tidak wajar dikesampingkan. Mereka perlu disediakan ekosistem dan sistem sokongan kondusif agar dapat menjalani kehidupan serta sesi pembelajaran dengan sejahtera.

Oleh itu, kenyataan media KPT, Selasa lalu, berkaitan pengendalian program akademik pendidikan tinggi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sangat dihargai.

Ia menekankan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) boleh menggunakan kaedah lebih kreatif, inovatif dan fleksibel dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian atau cara lain difikir sesuai agar tidak membebankan pelajar, sebaliknya memastikan mereka mendapat akses pengisian ilmu berkualiti.

UPM sendiri cakna kebajikan dan kesejahteraan pelajar. Soal makan minum di kampus khususnya menjadi keutamaan universiti agar tiada sesiapa kelaparan dan mengikat perut kerana ketidakmampuan.

Pihak universiti menyediakan saluran rasmi interaktif agar pelajar mudah membuat aduan tanpa kerenah birokrasi.

Ketika pelaksanaan PKP, universiti bukan sahaja mengambil berat soal keperluan asas, bahkan aspek psikologi dan emosi pelajar. Perkhidmatan kaunseling dalam talian diperkenalkan bagi memudahkan pelajar berinteraksi dengan kaunselor.

Sistem sokongan lebih ampuh apabila pensyarah sendiri merasai denyut nadi pelajar. Selaku individu paling rapat dengan pelajar, mereka perlu mengambil peluang bukan sahaja bertanyakan perkembangan akademik, bahkan kebajikan dan kesejahteraan.

Pensyarah di IPT diyakini sudah menggalas amanah sebaik mungkin dalam menyantuni pelajar mereka.

IPT mesti sentiasa mendengar suara hati pelajar. Di UPM, banciaan Suara Hati PUTRA dilaksanakan hujung tahun lalu bagi mendapat gambaran kesejahteraan warga universiti termasuk pelajar. Dapatan menunjukkan pelajar terkesan dari segi emosi dan mental apabila terpaksa mengadaptasi kaedah baharu belajar sewaktu PKP 1.0.

Bagaimanapun, mereka mula beradaptasi dengan suasana PdP norma baharu secara beransur dengan sokongan pentadbir IPT, pensyarah, rakan dan keluarga.

Walaupun ramai beradaptasi dengan norma baharu, KPT dan IPT tidak mengambil mudah kesejahteraan pelajar dan pensyarah, sekali gus akan terus memastikan

mekanisme pengurusan krisis menyediakan sistem sokongan secara efisien dan efektif. Beberapa langkah perlu dilakukan KPT dan IPT secara konsisten serta teliti.

Pertama, maklumat konsisten kaedah PdP sepanjang dan selepas PKP 3.0 di laman web rasmi perlu jelas dan mudah diakses.

Kedua, kaunseling dalam talian untuk pelajar, ibu bapa dan pensyarah oleh kaunselor bertauliah serta profesional perlu disediakan untuk membantu dan mententeramkan kegelisahan mereka.

Ketiga, penyediaan sumber PdP dalam talian perlu diperbanyakkan dengan mengguna pakai bahan di internet hasil kreativiti pensyarah dan pelajar, tetapi perlu ada elemen penapisan minimum pada peringkat KPT dan IPT agar sesuai disebarluaskan.

Keempat, KPT dan IPT perlu memantau serta mendapatkan maklum balas mengenai masalah asas pelajar serta pensyarah bagi memastikan PdP dalam talian serta pembelajaran jarak jauh dapat dijalankan.

Kelima, pensyarah harus mengguna pakai aplikasi asas seperti e-mel dan media komunikasi untuk berhubung dengan pelajar bagi memberikan nasihat akademik, PdP serta bimbingan dan kaunseling.

Keenam, pensyarah perlu kreatif mencari dan membuat bahan pengajaran menarik serta ringkas, tetapi bermanfaat seperti kuiz dan video pendek.

Ketujuh, pensyarah perlu bersedia dihubungi dan menghubungi pelajar demi memastikan proses PdP tidak ketinggalan serta dipantau konsisten.

Kelapan, pensyarah perlu banyak memberikan contoh kepada pelajar mengenai bagaimana tugas diberikan dalam PdP dapat disempurnakan. Memberi tugas tanpa contoh jawapan tidak banyak membantu dan menambahkan keresahan pelajar untuk memahami kandungan pengajaran.

Kesembilan, pensyarah harus bekerjasama rapat dengan kaunselor dengan menjadi pegawai penghubung kepada pelajar yang memerlukan sokongan dan khidmat nasihat.

Bagi pelajar, mereka disaran sentiasa berhubung dengan rakan sewaktu di kolej kediaman atau rumah supaya boleh mendapat maklumat terkini kandungan PdP.

Pelajar perlu memahirkan diri untuk menggunakan bahan PdP di internet dan pelbagai media pelbagai agar terus fokus walaupun dilaksanakan di kolej kediaman atau rumah. Pelajar tidak perlu malu mendapatkan bantuan bimbingan dan kaunseling.

Diyakini dengan sistem sokongan padu dan didukung semua pihak, kita dapat memastikan kesejahteraan pelajar pada tahap terbaik.

Penulis adalah Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM)